



AKU BUDAK TELOK

Tempat jatuh lagi dikenang,inikan pula tempat tumpah darahku...berbagai pengalaman hidup, asam garam pahit manis kehidupan aku lalui di sini..Mana mungkin aku melupakanmu, Duhai kampungku, Telok Panglima Garang...kau tetap di hatiku

Mac 08, 2020

SEJARAH PEJABAT POS DI BANTING DAN KUALA LANGAT

Salam. Hari ini hari Ahad. Atok dan Wan berehat santai di rumah jer hujung minggu ini. Anak-anak Atok balik. Yang di Senawang dan di Sendayan tiap-tiap minggu menjengok Atok. Alhamdulillah. Hari ini yang di Bukit Jelutong pun katanya nak balik. Seronok hati Atok dan Wan korang, anak-anak berkumpul di rumah hari ini. Itulah pasal Wan engkau orang pagi-pagi lagi dah ke *market* Seremban, beli ikan, udang, sotong untuk makan tengah hari nanti. Apa yang nak dibeli Atok *message* jer Wan. Mudahnya hidup zaman IT ini. Semuanya di hujung jari jer.

Teringat Atok zaman Atok baru nak mula hidup berkeluarga dahulu. Masih lagi pakai surat mel, bukan e-mel. Berhari-hari baru sampai. Nasib baiklah telefon ada. Bolehlah contact, itu pun dengar suara jer, takde *video call* macam sekarang. Itu pun Atok dah bersyukur banyak-banyak sebab kalau nak dibandingkan zaman Atok dengan zaman Abah Atok dan sebelum itu zaman Atok Atok, memang takde ler. Sunyi sepi takde orang, takde gelombang mikro, takde gajet. Yang ada, basikal, posmen dan pejabat pos. Itu pun bukan kat Telok. Syukurlah. Tak ada hiruk pikuk kota, Telok menenangkan. Takde khabar berita saudara mara yang jauh tak mengapa. Yang penting kami bahagia. Kalau ada kecemasan dan kematian, *telegram* itu kemestian. Baliklah semua saudara mara. Yang lambat terima berita atau jauh di perantauan, reda jer. Mungkin tersurat takdirnya begitu. Tak dapat bertemu di dunia. Namun doa tetap menemukan kita di alam berikutnya. Ada tak ada sama sahaja, hidup tetap diteruskan.

Hahaha... entri Atok kali ini pun pasal pejabat pos dan telekomunikasi. Tapi kali ini khas untuk orang-orang Telok, Banting, Jugra, serta seluruh warga Kuala Langat. Atok nak bawa korang balik ke zaman Sultan Abdul Samad, kemudian ke zaman kita mula merdeka sehingga zaman kini...Ok murid-murid , buka buku sejarah...Sejarah Pejabat Pos di Banting dan Kuala Langat. Begini kisahnya....

Kisah bermula ketika British baharu menipu Sultan dan anak-anak raja di Jugra. British dah buka pejabat tanah dan hasil di Jugra untuk mengaut segala hasil usaha anak watan, pendatang dan kapitalis Eropah di Kuala Langat. Banyak estet dah dibuka di sekitar daerah Kuala Langat dan Sepang. Sejarah kewujudan Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat adalah berdasarkan bangunan pertama yang terletak di pinggir Bukit Jugra. Bangunan ini telah dibina pada tahun 1876. Bangunan ini merupakan bangunan dua tingkat yang menggunakan batu granit dan teknologi terkini pada masa itu. Atapnya pula dibina dari atap genting yang sama dengan yang digunakan bagi bumbung Istana Jugra.



Pejabat PDKL Pertama di Bukit Jugra (1876)

Kedudukannya yang terletak di lereng Bukit Jugra dan menghala ke Sungai Langat menjadikan kedudukannya amat strategik. Kapal-kapal pedagang yang keluar masuk dapat diperhatikan dengan mudah. Masa itu, hanya di Jugra sahaja tumpuan pembangunan. Pejabat Hasil, Pejabat Hutan, pejabat Daerah semuanya di situ.

Sebelum Atok meraban lebih jauh, baik kiranya Atok fokuskan kepada sistem pos jer. So, pejabat pos pertama di Kuala Langat kita dah tahu, iaitu di Jugra. Sultan Abdul Samad dan kerajaan negeri Selangor bersemayam dan beroperasi dari sana, *at least* pada dasarnya. Mahu tak mahu, segala urusan pentadbiran mestilah ditandatangani Sultan untuk menjadikannya dokumen yang sah. Maka, urusan surat-menjurat kini dibuat menggunakan pos dan khidmat utusan. Surat-surat rasmi jabatan dan ladang-ladang seluruh Kuala Langat dihantar menggunakan bot rasmi kerajaan Selangor yang berulang alik dari Klang ke Jugra dua minggu sekali kerana pada masa itu belum ada lagi perhubungan darat. Seluruh urusan di Kuala Langat dan Sepang (masih di bawah Kuala Langat) bertumpu di Jugra.



Bot dan kapal wap milik kerajaan di Klang pada sebelum akhir abad ke-19

Kemudian timbul ura-ura untuk buat jalan rentas darat dari Klang ke Bandar dan Jugra dalam tahun 1896. Maka dipanggilah jurutera sivil dan dikeluarkan tender untuk menjadikan pembangunan jalan raya di laluan itu satu realiti. Kaum asli digunakan dan diupah untuk membuka dan menunjuk arah lokasi terbaik laluan tersebut:

Completion of sanding 3½ miles of Road from Bandar to Telok Panglima Garang seeks authority to make final payment in full

(No. rujukan: 1957/0070305; Jenis bahan: Fail; Negeri: IBU PEJABAT)

Road from Bandar to Telok Panglima Garang - Recommends tender for the gravelling of 16/24 \$9,200

(No. rujukan: 1957/0061864; Jenis bahan: Fail; Negeri: IBU PEJABAT)

Asks permission to allow the Collector of Langat to go over the path from Telok Panglima Garang to Klang

Memohon kebenaran untuk membolehkan Pengutip Hasil Langat' melewati batas sempadan dari Telok Panglima Garang ke Kelang Minit Bahasa Inggeris Rodger, J.P.; Bellamy, Henry Franklin

(No. rujukan: 1957/0004270; Jenis bahan: Fail; Negeri: IBU PEJABAT)

Report on the track from Telok Panglima Garang to Klang

Laporan keadaan jalan dari Teluk Panglima Garang ke Kelang yang becak teruk kerana hujan Surat; minit Bahasa Inggeris Bellamy, G.C.; Bellamy, H.F.; Rodger, J.P.; PWD, Kuala Lumpur

(No. rujukan: 1957/0004378; Jenis bahan: Fail; Negeri: IBU PEJABAT)

Forwards a draft contract and specification for the construction of three miles of a proposed road

from Klang to Bandar Jugra via Telok Panglima Garang.

(No. rujukan: 1957/0010103; Jenis bahan: Fail; Negeri: IBU PEJABAT)

Concerning the opening up the Country to Bandar Langat

Memaklumkan bahawa telah menyuruh 10 orang sakai pergi ke Teluk Panglima Garang untuk merintis pembuatan jalan ke Bandar Langat Surat; Minit Bahasa Inggeris Perks, Arthur J; Rodger, J.P; Collector And Magistrate, Klang; Acting Resident Selangor; Teluk Panglima Garang

(No. rujukan: 1957/0002886; Jenis bahan: Fail; Negeri: IBU PEJABAT)

Describing a Journey overland from Teluk Panglima Garang to Pencallan Batu


Laporan berkaitan lawatan dan perjalanan dari Teluk Panglima Garang ke Pengkalan Batu Surat Bahasa Inggesris Perks Anthur; Rodger, J.P.; Talbot; Suprintendent Public Work Department, Kuala Lumpur.

(No. rujukan: 1957/0003055; Jenis bahan: Fail; Negeri: IBU PEJABAT)

Report on the track from Telok Panglima Garang to Klang

Laporan keadaan jalan dari Teluk Panglima Garang ke Kelang yang becak teruk kerana hujan Surat; minit Bahasa Inggeris Bellamy, G.C.; Bellamy, H.F.; Rodger, J.P.; PWD, Kuala Lumpur

(No. rujukan: 1957/0004378; Jenis bahan: Fail; Negeri: IBU PEJABAT)




Peta Lakar Jalan raya sekitar Klang, Jugra, Kuala Lumpur, Kuala Selangor 1898



CUTTING A ROAD THROUGH THE JUNGLE IN MALAYA

Laluan baharu untuk jalan darat merentas hutan

Yang Atok nak fokuskan ialah pejabat pos di Jugra. Di dalam bangunan pejabat daerah itu terdapat juga kemudahan bank (pejabat pos?) dan mahkamah bagi memudahkan orang ramai berurus. Bukti kewujudan pejabat pos Jugra ini ditemukan pada *postmark* JUGRA 1907 pada sekeping setem bermotif harimau bernilai 3 cents. Tanda pos (*postmark*) merupakan cetakan (cop) yang dibuat ke atas surat, poskad dan bungkusan yang menggunakan perkhidmatan penghantaran. Penandaan cop dilakukan oleh petugas di pejabat pos untuk membatalkan setem yang ditampal ke atas barang pos tersebut. Pada tanda pos tersebut terdapat nama tempat yang membuat tanda pos, serta tarikh pengecopan dibuat.





Postmark JUGRA 1907 sebagai bukti pejabat pos pernah wujud di Jugra satu masa dahulu HAH. Itu tahun 1907! Maknanya, masa itu, *post office* kat Jugra tu dah berumur 31 tahun. dan pejabat pos satu-satunya di Kuala Langat ini pada masa itu, bukan hanya menjual setem atau hantar surat menyurat ke seluuruh kawasan di Kuala Langat, malah menjadi bank untuk simpanan rakyat di sana termasuklah di kampung, estet, lombong dan tempat-tempat lain di daerah ini. Apabila sudah dibina pejabat pos bererti telah ada juga kakitangan yang mengendalikannya.

Dalam laporan The FMS Government Gazzette pada tahun 1914, dimaklumkan beberapa buah pejabat pos termasuklah di Banting sudah sedia ada di seluruh negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang):

Daripada sebuah ibu negeri kini Jugra hanyalah menjadi pusat pentadbiran daerah Kuala Langat sehingga pada tahun 1920, Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat telah berpindah ke Telok Datok sebelum dibina kompleks barunya di Sungai Sedu kini. Selepas tahun 1921, tiada lagi khabar berita tentang pejabat pos di Jugra.

Tentang kewujudan pejabat pos Banting pula tak dapat dikenal pasti bila. Yang pasti dalam laporan kerajaan tersebut juga diberitahu beberapa buah pejabat pos yang ada di FMS, termasuklah di Banting. Bahkan dalam sumber-sumber media lain juga Banting disebut sudah mempunyai pejabat posnya sendiri.

Sepanjang terbentuknya kerajaan FMS ini, banyak pejabat pos yang dibuka di Selangor. Antaranya;

Ampang,
Bangi, Banting, Batang Berjuntai, Batu Arang, Batu Caves, Batu Laut, Batu road, Batu Tiga, Beranang,
Brickfields Road, Bukit Rotan,
Gap,
Jugra, Jeram,
Kajang, Kalumpang, Kapar, Kepong, Kerling, Klang, Kuala Kubu, Kuala Kubu Bharu, Kuala Langat,
Kuala Lumpur, Kuala Selangor, Kuang,
Pengkalan Kundang, Petaling, Port Swettenham, Puchong, Pudu, Pulau Ketam,
Rasa,
Sabak, Sabak Bernam, Salak South, Semenyih, Sentul, Sepang, Serendah, Station Street, Sungei Ayer
tawar, Sungei Besi, Sungei Buloh, Sungei Choh, Sungei way,
Ulu Langat, Ulu Yam.

Nota: Beranang (beroperasi hanya 5 tahun), Salak Selatan (sehingga 1931) and Sungei Ayer tawar
Beberapa evidens postmarks daripada surat-surat yang ditemui berlegar di internet membuktikan
kewujudan pejabat-pejabat pos ini:

Ampang 1913
Bangi 1910
Banting 1911 2n49 101e30

YA! *Postmarks* BANTING juga ada tertera pada sekeping setem bertarikh 1911 menguatkan lagi
dakwaan bahawa pejabat pos Banting telah wujud sebelum Banting diwartakan sebagai kampung
pada tahun 1916.



postmark Banting bertarikh 1924

"THE LAND ENACTMENT, 1911."

DECLARATIONS OF VILLAGES.

No. 3357.—In exercise of the powers vested in him by section 13 of "The Land Enactment, 1911," the Resident of Selangor hereby declares that parcel of land, described in the schedule hereto, and delineated upon revenue survey plan No. J. 19, deposited in the office of the Superintendent of Revenue Surveys, Selangor, to be a Village Site for the purpose of the said Enactment.

Dated at Kuala Lumpur, this 14th day of October, 1916.

O. F. STONE,
Secretary to Resident, Selangor.

SCHEDULE.

District—Kuala Langat. *Village*—Banting. *Plan*—No. J. 19. *Boundaries*—Commencing from the south-western corner of portion No. 205, mukim of Tanjong Duablas, the boundary of the Banting Village Area Reserve runs south-westwardly following the north-western side of the reserve for Jugra-Tanjong Duablas road for a distance of approximately 1,043 links; thence south-eastwardly across the said Jugra-Tanjong Duablas road for a distance of approximately 150 links to a north-western corner of portion No. 1,043; thence southwardly for a distance of 350 links and south-westwardly for a distance of 857 links along the western and north-western boundaries, respectively, of the said portion No. 1,043 to its north-western corner; thence north-eastwardly following the south-eastern side of the reserve for new Banting road to its intersection with the south-eastern side of the reserve for the said Jugra-Tanjong Duablas road; thence north-westwardly across the said Jugra-Tanjong Duablas road bearing approximately $346^{\circ} 47' 50''$ and distant approximately 150 links to the north-western side of the reserve for the said Jugra-Tanjong Duablas road; thence south-westwardly along the north-western side of the reserve for the said Jugra-Tanjong Duablas road to the south-eastern corner of portion No. 238; thence north-eastwardly along the south-eastern boundaries of portion Nos. 238-241 and part of the south-eastern boundary of portion No. 242 to the most western corner of portion No. 244; thence south-eastwardly along the south-western boundary of the said portion No. 244 to its most southern corner and continuing in the same direction across a reserve for access bearing approximately $119^{\circ} 6'$ and distant approximately 100 links to the south-eastern side of the said reserve for access; thence north-eastwardly along the south-eastern side of the said reserve for access to the most western corner of portion No. 205; and thence south-eastwardly along the south-western boundary of the said portion No. 205 to the point of commencement.

All the above-mentioned portions are in the mukim of Tanjong Duablas.

Perwartaan Banting 1916




Pejabat PDKL Kedua di Telok Datuk (1920-1965)

Dalam laporan FMS tahun 1932 juga ada dimaklumkan jarak jalan raya antara Telok Datoh (Datok) ke Pejabat Pos Banting sejauh satu setengah batu, kira-kira 2.4 km sahaja. dan *surprisingly* itulah juga lokasi pejabat pos Banting yang terlihat di sana sebelum terbakar pada tahun 2010, mungkin. Atok dah ukur pakai *Google map*, memang itulah jaraknya!

OK. Tadi Atok ada kata di pejabat Daerah dan Hasil di Jugra itu, terdapat bank. So Atok *google* dan *roger* kawan-kawan Atok di internet tentang kewujudan bank di tengah-tengah hutan paya dan belantara di Jugra ini. Siapa yang waras nak buat bank dalam hutan tempat jin bertendang di Jugra ini? HAHAHA...terduduk korang dengar cerita Atok! Itulah pasal kita dijajah. Orang putih nampak apa yang kita tak nampak. Kita nampak sampah, orang putih nampak duit. Selangor dan Jugra lubuk duit! Ada lombong bijih timah, ada estet getah, kopi dan kelapa. Ada hasil hutan, ada hasil kampung dan ada hasil bandar. Yang diorang nampak tanda RM. Semua benda yang boleh dijual nak dicukainya. Itulah pasal Dato Maharaja Lela di Perak dan Dato Bahaman di Pahang memberontak. Semuanya berpunca daripada sikap menekan dan tamak British terhadap rakyat.

Rupanya bank yang wujud bukanlah bank komersial macam Maybank, CIMB yang kita tahu dan tengok kini. Bank itu bank yang diwujudkan kerajaan untuk urusan penyimpanan oleh masyarakat umum dan syarikat. Selangor Savings Bank mengumpul dan menggunakan sebahagian modal penyimpan

untuk pembangunan negeri. Simpanan ini dijamin sepenuhnya oleh kerajaan. Jadi, daripada menyimpan bawah bantal, dalam tempayan ataupun peti besi, orang-orang kampung, Cina di bandar dan Tamil di estet-estet mula menyimpan duit di bank kerana lebih selamat dan menguntungkan.



petikan Selangor Journal terbitan tahun 1895

compared with it under the head of Perak (\$63,101.64) is the total amount of the assets of the Bank at the end of the last half-year.

I have been unable to obtain from the *Perak Government Gazette* all the statistics I wanted as to the working of the Perak Savings Bank during its earlier years, and I cannot therefore give quite such a detailed statement as that which appeared in the *Perak Pioneer*, but the following figures "tell their own story" and give a true presentation of the progress of the two banks during the first two years of their existence.

	Selangor Govt.	Perak Govt.
	Savings Bank.	Savings Bank.
No. of accounts opened during the 1st two years	387	243
" closed	173	124
" remaining open	214	119
Amount due to depositors at end of 2nd year	\$13,429	\$11,056

As it is obvious that the success of a Savings Bank must depend in great measure on the number of people who have access to it, I may add that the populations of the two States at the last census were—Perak, 214,254; Selangor, 81,592.—I have, etc., A. R. VENNING.

The following is the paragraph referred to in the above letter:

"**THE NATIVE STATES SAVINGS BANK.**—In another column we publish a report on the Selangor Savings Bank by its Manager, Mr. A. E. Vanning, who is also the Treasurer of that State. The Bank was opened in June, 1893, and therefore has been in existence 2 years and 4 months. The report is for the working of two years *vis à vis* up to the end of May 1895 and a remarkably brief one for such a long period especially when it is considered that it is the first report. The Manager has confined himself to figures only and has apparently no comment to make on this important and useful institution. Perhaps this is due to the fact that the Government had discontinued his allowance since the end of 1894 and under the circumstances, perhaps, he can hardly be blamed for his lack of interest. We published in August last Mr. Gaynor's interesting report on our own Savings Bank and give below a comparative statement of figures shewing the chief outlines of the working of the Selangor Savings Bank as compared with our bank which is older by 3 years. They will tell their own story. The following tabulated statement compiled from the reports will shew the total amounts of deposits in each Savings Bank on the day the accounts are confined to.

Selangor.	Perak.	NUMBERS OF WITHDRAWALS.	
\$11,850.80	\$63,101.64	Selangor.	Perak.
ACCOUNTS OPENED SINCE THE OPENING OF THE BANK.			
Selangor.	Perak.	Selangor.	Perak.
387	1,306	277	502*
ACCOUNTS CLOSED.			
Selangor.	Perak.	Selangor.	Perak.
173	801	\$21,879.34	42,433.18*
NUMBER OF DEPOSITS.			
Selangor.	Perak.	Selangor.	Perak.
995	1,788*	\$13,429	\$60,720.50
TOTAL AMOUNT OF DEPOSITS.			
Selangor.	Perak.	Selangor.	Perak.
\$34,801	\$62,081.25*		
TOTAL AMOUNT OF WITHDRAWALS.			
Selangor.	Perak.	Selangor.	Perak.
\$21,879.34	42,433.18*		
TOTAL AMOUNT DUE TO DEPOSITORS.			
Selangor.	Perak.	Selangor.	Perak.
\$13,429	\$60,720.50		

* In the past 12 months only.



Peta sebahagian Kuala Langat 1910

There were no churches or services to attend. Wayang Hassan and Wayang Inche Puteh were the two popular amuse-ments. The collection for a night often amounted to \$500. Bullock cart was the only means of travel between Klang and Banting. A Government coach ran from Klang to Kuala Selangor.

Untuk penduduk di kawasan laluan Klang ke Jugra (termasuk TPG), perkhidmatan 'bas mini' dan lori ini menggantikan kereta lembu mulai tahun 1913.

Begitu juga urusan penghantaran pos. Sebelum tahun 1913, kereta lembu digunakan untuk menghantar mel dari Pusat Mel Klang ke Pejabat Pos di Banting. Setelah mel dan parcels disisihkan mengikut alamat dan lokasi, semua surat ke destinasi di daerah Kuala Langat akan dinaikkan ke atas kereta lembu dari Klang awal pagi dan dijangka tiba di Banting sekitar 3.00 petang hari yang sama. Ketika sampai di Pejabat Pos Banting, pemandu kereta lembu yang berbangsa Tamil itu akan meniup semboyan atau *horn* untuk memaklumkan ketibaannya. Begitu juga kereta lembu mel dari Banting ke Klang akan tiba sekitar waktu yang sama setelah melalui perjalanan sejauh 20 batu itu.

Pekan Banting menyimpan beberapa sejarah zaman sebelum Merdeka. Salah satu bangunan yg menarik perhatian di Banting Town ialah Pejabat Pos lama yang terletak di tengah bandar yang kini sudah hangus terbakar. Bentuknya unik kerana strukturnya dibina pada zaman 'Colonial Government British Malaya'. Bangunan kayu kukuh ini tidak diketahui secara terperincinya bila dibuka. Namun berdasarkan maklumat tersurat dan tersirat dalam pelbagai dokumen rasmi kerajaan, dipercayai pejabat pos ini sudah berfungsi sejak sebelum 1911 lagi. Ini berdasarkan postmarks yang tertera perkataan **Banting** bertarikh 1911 pada surat bersetem yang berlegar di internet. Kemudian disebut dalam Laporan FMS Government Gazette tahun 1914 tentang penghantaran mel antara Klang dan Banting kini menggunakan kenderaan bermotor berbanding kereta lembu sebelum ini.



postmark Banting 1919



postmarks Banting 1919 closeup

Pada tahun 1961, pihak Kementerian Pos telah memodenkan Jabatan Pos dengan menghantar motorsikal, van, lori menggantikan basikal dan kenderaan pos yang telah uzur dan kerap rosak. Pejabat pos Banting telah menerima van pos bergerak yang dihantar ke seluruh pelosok Kuala Langat untuk memudahkan penduduk yang tidak mempunyai pejabat atau wakil pos di tempat mereka.

Bayangkan betapa kukuhnya struktur bangunan kayu dan papan ini yang dapat bertahan hampir 100 tahun sebelum dibiar kosong sebelum terbakar dalam tahun 2010. Bangunan tua dan bersejarah ini megah berdiri menyaksikan peristiwa-peristiwa bersejarah sejak pembukaan estet dan kampung-kampung sekitar Banting, Telok Datok dan Morib, penjajahan Jepun, Kemerdekaan Tanah Melayu, Pembentukan Malaysia sehingga kes pembunuhan yang menyayat hati, Datuk Sosilawati Lawiya, Noohisham Mohamed, Ahmad Kamil Abdul Karim dan Kamaruddin Shamsuddin dalam tahun 2010.

Struktur kolonial ini akhirnya telah dirobohkan kerana dilaporkan tidak selamat dan tidak lagi strategik kerana terletak di persimpangan jalan raya yang sibuk.



Hospital and School, Banting, 1905.

Banting tahun 1905



Pendatang Tamil di estet



(M.60) Coolies in Rubber Estate, Photo by M. S. Nakajima, K. L.

Banting 1914

TABLES OF DISTANCES.

SELANGOR—(cont.)

KUALA LANGAT DISTRICT—(cont.)

		Miles.
64.	Banting-Bandar Road—	
	Banting to Sungai Buoya Ferry Road ...	1½
"	* <i>Sungei Buoya Ferry</i> ... 4 m.	
"	Sungei Raba	8½
"	<i>Simpang Morib</i> 7 m.	
"	Permatang Pasir	5½
"	<i>Sungei Dorian Quarry</i> ... 6½ m.	
"	<i>Site of old Jugra</i> ... 7½ m.	
"	Chodai	6½
"	* <i>Bandar Ferry</i> 8½ m.	
"	Istana Bandar	8½
65.	Simpang Morib-Raba Road—	
	Simpang Morib to Kelanang	1½
"	" Glengang Buoya Road ...	2
"	" <i>Glengang Buoya</i> ... 3½ m.	
"	" Sungei Raba	8½
66.	Kajang-Teluk Datoh Road—	
	Teluk Datoh to Kajang	29
"	" <i>Kuala Lumpur</i> ... 43½ m.	
"	" Sepang Road Junction ...	18½
"	" <i>Sepang</i> 36 m.	
"	" Dengkil	12
"	" Kuala Langat-Ulu Langat Boundary	9½
"	" Sungei Manggis	1½
67.	Kajang-Sepang Road—	
	Sepang to Kajang	27½
"	" <i>Kuala Lumpur</i> ... 41½ m.	
"	Teluk Datoh Road Junction ...	16
"	<i>Teluk Datoh</i> 36 m.	
"	Kuala Langat-Ulu Langat District Boundary	12½
"	Seremban Road Junction	9½
"	<i>Negri Sembilan State Boundary</i> 9½ m.	

KUALA LANGAT DISTRICT.

Klang-Sepang Road (via Morib)—

Teluk Datoh to Klang	19½
" "	Kuala Lumpur	43 m.	
" "	Pendamaran Road Junction	14½	
" "	Port Swettenham	...	20½	m.	
" "	District Boundary	12	
" "	Teluk Panglima Garang	8¾	
" "	Bandar Ferry Road	8	
" "	*Bandar Ferry	10¾	m.
" "	Sungei Buoya Junction	5	
" "	*Sungei Buoya Ferry	6¾	m.
" "	Tanjong Duablas	3	
" "	Teluk Datoh Halting Bungalow	½	
" "	Kajang Road Junction	½	
" "	Kajang	29	m.
" "	Teluk Datoh	—	
" "	Banting Post Office	1¾	
" "	Site of old Jugra	9½	m.
" "	Kanchong Darat	4¾	
" "	Simpang Morib	5¾	
" "	Sungei Raba	9½	m.
" "	Morib	8½
" "	Kanchong Laut	10	
" "	Batu Laut	15	
" "	Thumbok Cross Roads	21½	
" "	Sungei Rawang Cross Roads	27¾	
" "	Sepang Kechil	28¾
" "	Teluk Merbau	30¼
" "	Sungei Pelek	31½
" "	Sepang	36

* No ferry service now.

Jadual Jarak Jalan raya antara pelbagai destinasi dalam Kuala Langat dan Sepang 1932.



Bangunan yang terbiar setelah pejabat pos berpindah ke premis baru di Jalan Bunga Pekan 2





Akhirnya terbakar akibat litar pintas ataupun perbuatan khianat tidaklah diketahui puncanya.



postmark Banting 1960



postmark Banting 1966



Kenderaan pos bergerak dari Pejabat Pos Banting



postmark Banting pada surat berdaftar bertarikh 1932



REGISTERED A.R.



The Secretary,

Penang Turf Club,

From,


Mohd. Ismail,

Street Stall No.44
Banting.


Chartered Bank Chambers

PENANG.

Surat Berdaftar dari Banting ke Pulau Pinang



contoh Surat Berdaftar dari Banting





Pelbagai versi peti surat untuk kutipan mel



No. 101, Jalan Bunga, Pekan 2, 42700, Banting, Selangor

[Business > Courier Service](#)

[03-3187 1437](#)

<https://www.pos.com.my/>

PEJABAT POS JENJAROM





Perihal



Alamat

cawangan Jenjarom, 42600 Jenjarom
Jenjarom, Selangor, Malaysia

Telefon 03-3191 3221

E-mel pc.jenjarom@pos.com.my

PEJABAT POS TELOK PANGLIMA GARANG



**Selamat Datang Ke Pos Malaysia
Telok Panglima Garang, Selangor**

NO. ANDA:

2106

NO. SEKARANG: 2097
SILA DUDUK. ANDA AKAN
DILAYAN SEBENTAR LAGI.

13:27

15/2013

Perihal



Alamat

42500 Telok Panglima Garang,
Selangor, Malaysia

Laman Web <http://www.pos.com.my>

PEJABAT POS BATU LAUT

Di Kampung Batu Laut sekarang ini masih terdapat bangunan Balai Polis lama dan juga kuarters Kastam yang masih kukuh dan baik. Malah bangunan Pejabat Pos lama juga masih ada tetapi tidak boleh digunakan lagi kerana keadaannya yang sudah uzur dan terbiar. Semasa Zaman Darurat dahulu, Pejabat Pos Batu Laut ini pernah dijadikan tempat simpanan makanan untuk Catuan Makanan kepada penduduk kampung.

PEJABAT POS TANJUNG SEPAT

< Previous Article Next Article >

< Previous Page Next Page >

New post office

KUALA LUMPUR, Fri. — The Minister for Works, Posts and Telecommunications, Inche Sardon bin Haji Jubir, will open the new post office at Tanjong Sepat, South Selangor on Feb. 23.

Perihal



Alamat

Lorong 12
42800 Tanjong Sepat, Selangor,
Malaysia

Telefon 03-3197 4260

4G | 3G | WiFi 73 B/s

00:42

* 46%



esources.nlb.gov.sg

1



Mails, buses anti rents

The Straits Times, 13 October 1954, Page 6



Article also available on Microfilm Reel NL01771



Add to Citation



Previous Article

Next Article



Previous Page

Next Page



Mails, buse

Late mails

THE residents of Banting always receive mails late. Sometimes our mails are mislaid, yet the post office is only half a mile away. Therefore we ask the authorities to look into this matter, so that it will stop.

RESIDENT.

Banting.





esources.nlb.gov.sg



a result of worries over his sickness. He has been told that his heart ailment, if not treated early, would leave him bedridden for life.

Postal transfer

BANTING, Fri.—Inche Abdul Rahman, of the **Banting Post Office**, has been transferred to Sepang as Postmaster.

Information 



Newspaper:
The Straits Times

Date:
7 December 1963

Reel Number:
NL12152



Kongsi

ULASAN



Masukkan ulasan anda...

CATATAN POPULAR

Kos bahan binaan	32%	RM52,800
Upah pekerja	32%	RM52,800
Keuntungan kontraktor	32%	RM52,800
Kos pengurusan	4%	RM6,600
TOTAL		RM165,000

Disember 10, 2013


AKU KONTRAKTOR: BUAT RUMAH SENDIRI DI TPG

Kongsi 29 ulasan



ASAL USUL TPG 2: SIAPA SEBENARNYA PANGLIMA GARANG?

Kongsi 21 ulasan



September 21, 2019

BUKIT JUGRA DAN MISTERI PETI BESI SULTAN


Kongsi 8 ulasan



Oktoper 22, 2014

SEJARAH BAS AWAM DI KLANG DAN BANTING (1957-1969)

Kongsi Catat Komen



Jun 12, 2013

MARI KENALI SEJARAH TPG: TELOK, KAMPUNG MEDAN, SIJANGKANG, PULAU CAREY DAN JENJAROM

Kongsi 5 ulasan



April 03, 2014

RANCANGAN TV MASA DAHULU (1982 -1988)


Kongsi 5 ulasan



Oktoper 30, 2020

AKHIRNYA, AKU KONTRAKTOR DI TPG!

Kongsi 1 ulasan



Jun 24, 2013

BUKTI KEWUJUDAN LANDASAN KERETAPI LAMA KUALA SELANGOR-KLANG

Kongsi 9 ulasan

3D Model From
Ted-Kyte.com



April 06, 2014

RANCANGAN TV DAN RADIO TAHUN 1965-1980

Kongsi 3 ulasan

Oktober 27, 2020

PROSES BINA RUMAH SENDIRI DENGAN MUDAH (GUNA KHIDMAT KONTRAKTOR)

Kongsi Catat Komen

 Dikuasakan oleh Blogger

Imej tema oleh Mae Burke



Translate

Select Language ▾

Powered by  Google Translate

Cari Blog Ini

Cari blog ini

Cari



abah kau emak aku

LAWATI PROFIL

Arkib



Label



Laporkan
Penyalahgunaan

Masjid TPG circa 1970s

